

25 MAY 2002

Mahathir-Wesak

PERBEZAAN ANTARA KAUM LAHIRKAN SIFAT TOLERANSI RAKYAT M'SIA

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kewujudan rakyat pelbagai kaum, agama dan adat resam di negara ini banyak mengajar mereka tentang perlunya sikap memahami dan menghormati perbezaan sesama mereka.

Perdana Menteri berkata daripada sinilah terbentuk sifat toleransi yang amat terkenal di kalangan rakyat Malaysia.

"Walaupun terdapat kelainan pada kita, kita telah berjaya membentuk persefahaman dan perpaduan erat antara rakyat berbilang kaum.

"Tidak banyak negara lain yang mempunyai penduduk berbilang kaum, agama dan adat resam dapat hidup dengan aman seperti kita di Malaysia," katanya dalam perutusan sempena Hari Wesak esok.

Dr Mahathir berkata walaupun majoriti penduduk di Malaysia beragama Islam, para penganut agama lain tidak ditindas malah bebas merayakan hari kebesaran keagamaan masing-masing tanpa perlu rasa takut atau terancam.

Menurutnya, seperti juga agama lain, Hari Wesak ialah hari bagi penganut Buddha membuat kebajikan sesama manusia termasuk kepada semua makhluk hidup dan memberi sedekah dan bantuan kepada golongan kurang bernasib baik.

"Begitulah ajaran agama, tidak kira apa agama sekalipun, ia tetap menyeru kepada kebaikan. Tidak ada satupun agama yang menyeru kepada kejahatan," katanya.

Hari Wesak disambut sebagai memperingati hari kelahiran Gautama Buddha, pengasas agama Buddha.

-- BERNAMA

MAM MAM MAI